

MODUL LATIHAN

7 LANGKAH KEPULIHAN DALAM PENAGIHAN



Pengenalan

Modul Latihan 7 langkah kepulihan merupakan siri panduan untuk pembimbing bagi membantu kepulihan dalam kalangan penagih dadah. 7 langkah yang digunakan adalah pendekatan Agama Islam sebagai asas kepada perjalanan kepulihan klien.

7 langkah yang digunakan merujuk kepada Abd. Halim Mohd Hussin dan Muhammad Khairi Mahyuddin (2014) yang telah memperkenalkan pendekatan 7 Langkah Kepulihan dalam Penagihan yang menggunakan agama Islam sebagai asas kepada perjalanan kepulihan bagi klien yang menjalani program penjagaan lanjutan (aftercare) iaitu:

LANGKAH 1
PENERIMAAN DIRI

LANGKAH 2
PENYERAHAN KEPADA ALLAH

LANGKAH 3
MENGENAL DIRI DAN MENGAKU KEPADA ALLAH

LANGKAH 4
BERTANGGUNGJAWAB MEMBETULKAN KESILAPAN DIRI


LANGKAH 5
USAHA DAN TAWAKKAL

LANGKAH 6
PENGUKUHAN DIRI DENGAN ALLAH

LANGKAH 7
MENGEKAL DAN MENINGKATKAN KEPULIHAN

Pemasalahan Kajian

- Penagihan berulang (relaps) adalah suatu kesinambungan kepada ketagihan dan merupakan satu cabaran yang berat buat bekas penagih dadah walaupun sudah bertahun meninggalkan tabiat penagihan dadah.
- Usaha ke arah memulihkan penagih dadah bukan sekadar proses rawatan dan pemulihan tetapi harus disusuli dengan program bimbingan selepas keluar daripada institusi pemulihan.
- Pelbagai pendekatan telah digunakan sebagai usaha untuk mengatasi pemulihan dadah dan salah satunya adalah kaedah penghayatan dan pengamalan agama yang dikenal pasti boleh memberi kesan dalam pemulihan dadah serta mengatasi penagihan.
- Trend penyalahgunaan dadah di Malaysia menunjukkan peningkatan dari segi jumlah pengguna juga penurunan umur mereka yang terlibat dengan gejala dadah. 80 peratus adalah mereka yang berbangsa Melayu dan beragama Islam. Statistik jumlah penagih dadah berbangsa Melayu berbanding kaum lain adalah sangat tinggi.



Jumlah penagih yang dikesan mengikut etnik 2015-2016
Sumber: Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) 2017

Objektif

MEMBERI LATIHAN

Menyediakan kaunselor, pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), pembimbing rakan sebaya (PRS) dan orang perseorangan untuk membantu dalam usaha merawat penyalahgunaan dadah kepulihan bagi klien yang menjalani program penjagaan lanjutan (aftercare)

PROGRAM SOKONG BANTU

Salah satu perancangan pelaksanaan program sokong bantu bagi memantapkan lagi program rawatan dan pemulihan dadah kepada klien yang terlibat agar tidak relaps (penagihan semula).

PENDEKATAN PSIKO-SPIRITUAL ISLAM

Latihan berasaskan bimbingan rawatan dengan pendekatan psikologikal dan agama Islam yang diberikan secara berperingkat serta aplikasi secara menyeluruh dalam usaha menangani isu tingkahlaku penagihan semula selepas keluar dari institusi.

Novelty

1. PSIKO-SPIRITUAL ISLAM

Menghasilkan modul program Psiko-spiritual Islam dalam rawatan dan pemulihan aftercare dalam komuniti.

2. PANDUAN

Menjadi panduan untuk rawatan dan pemulihan dadah aftercare dalam komuniti berasaskan agama Islam kepada penyedia program rawatan (treatment provider).

3. LATIHAN SISTEMATIK

Klien menerima rawatan secara sistematik melalui pendekatan psikologikal dan agama Islam serta aplikasi secara menyeluruh dalam usaha menangani isu tingkahlaku penagihan semula selepas keluar dari institusi.

4. ISRA > MODUL LATIHAN 7 LANGKAH KEPULIHAN

Bersinambungan kepada program Islamic Spiritual Rehabilitation Approach (ISRA), berasaskan model inabah atau kerohanian keagamaan di Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC) yang telah bermula di Sungai Ruan sejak tahun 2015.

5. BUKU MODUL:

Buku manual modul beserta buku logbook.



Usefulness

- Program rawatan berterusan kepada klien beragama Islam
- Membantu klien dalam usaha / proses perubahan tingkah laku
- Intervensi kepada klien daripada berlakunya penagihan semula (relaps)
- Identifikasi simptom slip / lapse melalui sumber-sumber penyelewengan anggota badan

Commercialization Impact Or Potential Towards Ummah-

- Bukan berorientasikan kewangan
- Ip modul latihan 7 langkah kepulihan dalam rawatan dan pemulihan berasaskan evidencebased practice (EBP)
- ACREDA @ USIM sebagai pusat rujukan bagi program rawatan dan kepulihan klien penagihan dadah.
- Mempromosikan Islamic teaching
- Memperihalkan mengenai konsep taubat iaitu mengembalikan manusia kepada fitrah dan kepada tuhan



KETUA PENYELIDIK
Dr. Mohamad Isa bin Amat

KETUA PENYELIDIK AHLI PENYELIDIK : DR. MOHAMAD ISA BIN AMAT
: DR. MUHAMMAD KHAIRI MAHYUDDIN | DR. KHAIRUNNEEZAM MOHD NOOR
DR. ROSLEE AHMAD | PROF. MADYA DR. MOHD RUSHDAN MOHD JAILANI
DR. MOHD ZOHDY MOHD AMIN | DR. KU SUHAILA KU JOHARI
EN. MAHAZAN OTHMAN | PN. NORHALINA OTHMAN
PEMBANTU PENYELIDIK : NURFARHAH MOHD NAJIB | AB. RAHIMI AB. REZAF

ALAMAT : PUSAT PENYELIDIKAN DALAM PENYALAHGUNAAN DADAH ASIA (ACREDA)
Universiti Sains Islam Malaysia,
Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.
EMAIL : isaamat@usim.edu.my
NO. TELEFON : 06-7988700 (Pejabat), 011-1066 8082 (Telefon Bimbit)

COMMERCIALIZE-CONTACT
KETUA PENGARAH
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN MALAYSIA
Kementerian Dalam Negeri
Jalan Maktab Perguruan Islam, 43000 Kajang, Selangor.
Tel : 03-89112200 Faks : 03-89262055
Website : http://www.adk.gov.my

Penyelidikan ini dibiayai oleh Geran Penyelidikan Ilmiah AADK 2017 Kementerian Dalam Negeri | (Kod Penyelidikan: USIM/AADK/FKP/ACREDA/052003/40517)
Penyelidikan kajian ini mendapat kelulusan dari Jawatankuasa Etika Penyelidikan (JKEP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) | (Kod Projek : USIM/JKEP-2018-36)